



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**SELASA 5 MAC 2024**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	HASIL PERTANIAN DIJANGKAK TERJEJAS 50 PERATUS, NASIONAL, SH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	'MASJID DALAM KEBUN' JANA PENDAPATAN, NASIONAL, BH -18 CHILI VENTURE BEARS FRUIT IN SEGAMAT, NEWS, THE STAR -5	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	PROJEK PERINTIS TERNAK IKAN TILAPIA DALAM LONGKANG, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	JERAMI MENDAPAT PERMINTAAN TINGGI, DALAM NEGERI, UM -36 A CAREER IN PADI FARMING AWAITS YOUTHS, NATION, THE STAR -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	LPP LANCAR PASUKAN CDA-ERT BANTU SITUASI KECEMASAN, BENCANA, NASIONAL, SH -20	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8. 9. 10.	KELANTAN JADI PEMAIN INDUSTRI HALAL, NEGARA, KOSMO -14 KERAJAAN KEDAH PERLU PIKIR LANGKAH TINGKAT HASIL PADI, NASIONAL, BH -20 GUBAL AKTA, TUBUH SURUHANJAYA KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA, RENCANA, UM -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Hasil pertanian dijangka terjejas 50 peratus

Petani di Cameron Highlands berdepan masalah air, serangan serangga kesan El Nino

Oleh NOR SYAMIRA LIANA  
NOR ASHAHA  
SHAH ALAM

Hasil tanaman di Cameron Highlands dijangka terjejas sebanyak 50 peratus sekiranya fenomena El Nino berterusan sehingga dua minggu lagi. Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu

Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, cuaca panas telah mengakibatkan bekalan air semakin berkurangan dan serangan serangga perosak.

Menurutnya, kebanyakan petani di tanah tinggi berkenaan menggunakan air dari bukit untuk pertanian, namun kebelakangan ini sumber itu semakin berkurangan.

"Apabila tumbuhan tumbuhan tidak mendapat air yang mencukupi maka tanaman yang dihasilkan ini tidak berkualiti. Kita tidak akan jual hasil yang tidak berkualiti dengan harga premium semata-mata tidak mahu rugi.

"Bukan itu sahaja, cuaca panas juga mengakibatkan tumbuhan diserang serangga perosak. Kami bukan berhadapan dengan satu masalah tetapi dua iaitu kekurangan air dan serangga perosak," luahnya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi pada Isnin.

Sebelum ini, media melaporkan fenomena El Nino memberi kesan kepada

hasil pertanian dan negara perlu bersedia menghadapi kesan cuaca lebih panas menjelang tahun 2025.

Susulan itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menyarankan agar agensi pertanian berkaitan seperti Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi) mencari langkah bagi mengatasi perkara berkenaan seperti kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu.

Mengulas lanjut mengenai keadaan terkini tanaman di Cameron Highlands, Syed Abd Rahman memberitahu, kebanyakan pekebun terpaksa mengecelkan operasi ladang masing-masing semata-mata mahu menjaga kualiti pengeluaran.

"Kita tidak dapat nak mengusahakan keseluruhan kawasan ladang yang ada. Tiada keperluan jika mahu meneruskan tanaman jika ia tidak mampu mengeluarkan hasil seperti yang diinginkan.

"Pengecilan operasi tanaman ini secara tidak langsung menyebabkan pendapatan kami semakin berkurangan," ujarnya.



SYED ABDUL RAHMAN



Laporan Sinar Harian pada Ahad berhubung kesan El Nino terhadap industri pertanian di Malaysia.

# 'Masjid dalam Kebun' jana pendapatan

Inisiatif kariah galakkan pertanian penuhi hasrat keterjaminan makanan

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Gerik:** Masjid Jamek Pengkalan Hulu di sini menampilkan konsep berbeza apabila pekarangan masjid itu dijadikan kebun buah-buahan dan sayuran, sekaligus mengorak langkah baharu dalam usaha menggalakkan pertanian untuk memenuhi hasrat ke arah keterjaminan makanan, selain menjaga pendapatan kepada masjid.

Kawasan masjid berkeluasan kira-kira 1.5 hektar itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli ja-

watankuasa kariahnya dengan menghasilkan pelbagai tanaman sayur termasuk tanaman fertiponik, selain buah-buahan seperti anggur, jambu madu, nangka, dan mangga.

Setiausaha masjid, Sirat Abdullah, 63, berkata sejak 2018 pihak masjid sentiasa menggiatkan aktiviti pertanian serta mengetengahkan agenda penghijauan dan terkini, membina 'rumah cacing' iaitu tapak uraian bagi baja organik atau vermikompos atau baja tahi cacing.

Pesara guru itu berkata, semua hasil pertanian dan juga baja vermikompos dibuat itu mendatangkan hasil apabila ia dijual, selain



Kawasan Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Gerik yang berkeluasan kira-kira 1.5 hektar dimanfaatkan ahli jawatankuasa kariah untuk menanam sayur-sayuran.

ada yang diproses bagi dijadikan produk hiliran seperti sos cili. Semua itu menjadikan pendapatan dan dimanfaatkan masjid serta jemaahnya.

Katanya, idea penanaman sayur khususnya, cili pada mulanya bertujuan bagi menghijaukan persekitaran rumah ibadat itu. Kemudian, berbekalkan pengalaman seorang daripada ahli jawatankuasa masjid yang mengusahakan tanaman cili secara komersial, idea itu dikembangkan.

## Inisiatif kewangan sendiri

Menurut Sirat, konsep 'Masjid dalam Kebun' dipraktikkan sehingga kini dan pada mula semuannya dilakukan pihak masjid dengan inisiatif kewangan sendiri.

"Apabila ia mula menunjukkan hasil, Jabatan Pertanian tampil

beri bantuan untuk menyemarakkan lagi aktiviti ini antaranya melalui pemberian set hidropnik baja, hamparan 'weed-mat' dan racun tanaman bagi sayuran hijau.

"Selain menjaga ekonomi masjid, pertanian bandar ini mendidik komuniti serta pengunjug bahasa masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadat tetapi juga meningkatkan pendidikan, ekonomi dan sosial masyarakat.

"Selain galakan serta bimbingan Jabatan Pertanian, pihak masjid turut mendapatkan Khidmat nasihat serta perbincangan daripada komuniti setempat yang turut mengusahakan sendiri tanaman di lokasi lain, terutama jika timbul masalah atau isu seperti tanaman diserang penyakit dan sebagainya," katanya kepada BH.

Inisiatif gigih menjayakan konsep 'Masjid dalam Kebun' dan membolehkan menjana dana bagi kegunaan operasi masjid turut melayakkan Masjid Jamek Pengkalan Hulu menerima Anugerah Khas Ar-Ridzuan yang disampaikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1444H Peringkat Perak pada 2022.

Agenda keterjaminan atau sekuriti makanan adalah satu daripada 'flagship' di bawah pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia, selain pelan sama turut menggariskan agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi dengan Jabatan Pertanian sebagai penerajunya.

JOHOR

# Chili venture bears fruit in Segamat

Project involving 11 farmers aims to boost their monthly income, country's supply

By REMAR NORDIN  
remar.nordin@thestar.com.my

THE country's self-sufficiency ratio (SSR) received a boost with the opening of a chili irrigation farm in Mukim Sermin, Segamat, says Johor agriculture, agro-based industry, and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip.

SSR refers to the percentage of food consumed and produced domestically.

Zahari said the farm, known as Agromix, was opened in September last year with a starting capital of RM450,000. "It was built on 2ha of land involving 11 farmers trained under Gracilif Farm Sdn Bhd.

"It is part of *Inisiatif Pendapatan Rakyat* (IPR), introduced by Economy Ministry and managed by East Coast Economic Region Development Council (ECERDC).

"The goal is to help these farmers gain a monthly income of RM2,000 through cluster farming based on smart technologies," he said when contacted.

Zahari, who had visited the farm earlier, said it was one of the high-impact projects introduced by the Federal Government in Segamat.

"ECERDC has carried out various socioeconomic development programmes for the people. "We hope to expand this project so that farmers can increase their income.

"The project is also in line with Johor government's aim of turning the state into an export hub for fruits and vegetables, not only to Singapore but other countries as well," he added.

Zahari said Johor's fruit production for nationwide consumption comprised 34.5% of the total last year, making it the second largest producer after Pahang.

"We are confident that Johor can help reduce the country's dependence on imported chillies.

"This is why collaboration



(Above) Chillies harvested from Agromix in Mukim Sermin, Segamat. (Inset) Zahari (white shirt) with freshly harvested chillies during his visit to the farm, which is part of a cluster farming project.

between the state and Federal governments under ECERDC is important for new farming technologies and techniques."

This was in line with the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and National Agri-Food Policy 2021-2030, added Zahari.

# Projek perintis ternak ikan tilapia dalam longkang

**TEMERLOH:** Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan (PLGDP) Zon Timur Seri Tualang di sini menjadi perintis projek ternakan ikan dalam longkang sepanjang 100 meter di negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pusat PLGDP, Rozali Abdul Rani berkata, projek yang dilaksanakan dua bulan lalu itu menempatkan 1,000 ekor anak ikan tilapia dan 100 ekor anak ikan jelawat.

Menurutnya, benih itu dibeli daripada penternak manakala Jabatan Perikanan Daerah Temerloh memberi khidmat nasihat dan kepakaran menjayakan projek ini.

"Kerja-kerja awal sudah dilakukan bagi membina benteng pasir untuk menakung air longkang sebelum benih ikan dilepaskan dalam longkang berkenaan.

"Lawatan dari pegawai Perikanan Daerah Temerloh turut memberikan khidmat nasihat dan berikrar memberi bantuan benih dan makanan ikan dalam fasa kedua projek ini," katanya di sini semalam.

Rozali berkata, projek ini



**ROZALI Abdul Rani menunjukkan projek ternakan ikan dalam longkang yang diusahakan di Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan Zon Timur Seri Tualang di Temerloh, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD**

dilaksanakan bertujuan melaksanakan persekitaran yang ada untuk dimanfaatkan sebagai sumber ekonomi dan terapi minda.

Kata beliau, projek ini juga dapat menerapkan elemen merentas kurikulum dalam pendidikan sekali gus memperkasa penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam menja-

yakan program anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh.

Selain itu, tegasnya, projek tersebut menjadi perintis kepada sekolah kerana mereka pun berpotensi menjayakannya.

"Projek ini mendapat sokongan Pegawai Pendidikan Daerah Temerloh, Saufie Abdul Manaf yang berpandangan jauh," katanya.

5/3/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

36



JERAMI yang mempunyai 'nilai' cukup tinggi dan mampu menjana pendapatan, dihasilkan di PPK MADA D-1 Tambun Tulang, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

PPK MADA Tambun Tulang jana hasil RM280,000

## Jerami mendapat permintaan tinggi

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB

hafiz@malaymail.com.my

**ARAU:** Jerami padi yang sebelum ini dianggap tidak bernilai dan hanya dibakar atau dibuang, mempunyai 'nilai' cukup tinggi apabila dimanfaatkan sekali gus mampu menjana pendapatan.

Kebelakangan ini, jerami gulung dan kotak yang dijadikan makanan haiwan ternakan dan perhiasan sebagaimana trend terkini sempena musim panas, mendapat permintaan luar biasa dari seluruh negara.

Malak, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) D-1 Tambun Tulang yang menghasilkannya, jerami gulung sejak 2015, mampu menjual sehingga 3,000 ke-4,000 ketul, seberat

720,000 kilogram atau 720 tan metrik.

Secara tidak langsung, PPK juga mampu menjana hasil sehingga RM280,000 dalam tempoh setahun berkaitan permintaan yang cukup tinggi.

Bercakap kepada Urusan Malaysia, Pengurus PPK MADA D-1 Tambun Tulang, Yusrizal Abu Bakar berkata, setiap gulung jerami yang dihasilkan seberat 150 hingga 160 kilogram dijual pada harga RM70.

Katanya, dalam tempoh setahun, mereka mampu menyiapkan sehingga 160 gulung jerami bagi menampung permintaan yang tinggi.

Ujarnya, jerami itu dijual khususnya kepada penternak pengusahanya-pengusaha program atau karnival seperti Pesta Anghit Timur selain individu yang

membeli untuk tujuan perhiasan di inap desa dan majlis perkahwinan.

"Jerami ini hanya pada musim kemarau dari Januari sehingga Mac. Pada musim itu, kita akan kutip jerami di kawasan bendang sekitar Tambun Tulang sebelum menghasilkan jerami gulung."

"Sejak 2015, ia memang mendapat sambutan dan tidak pernah tidak habis terjual. Permintaan dari seluruh negara dan kebelakangan ini menjadi trend jerami gulung dijadikan perhiasan dalam program atau karnival."

"Malak, sempena Pesta Anghit Timur 2024, sebanyak 150 jerami gulung dijual untuk kegunaan sempena pesta tersebut. Selain itu, labatan Pertanian juga membelinya untuk dijadikan makanan ternakan," katanya.

## A career in padi farming awaits youths

**PENDANG:** The Sekinchan-style Large-Scale Smart Padi Field Project (Smart SBB) introduced by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) can attract young people to take up padi farming as a career, says Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh.

He said the use of modern technology, including drones, in the project helps farmers manage crops more efficiently and provides higher yields.

Sekinchan in Selangor is home to Malaysia's most productive rice fields when measured on a yield per hectare (ha) basis, he added.

"Our Smart SBB has pioneers in specific crop areas, so naturally, young people with the right mindset, skills and desire can join.

"These young people can make

a profession in the rice industry. If they can achieve a yield of seven tonnes per hectare in an area of 100 plots (28ha), this can encourage young people to consider padi cultivation as a profession," he told Bernama when met at the Kampung Gulau Smart SBB harvesting programme here.

The programme was officiated by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu on Sunday.

Ismail said the Smart SBB project, which is part of Mada's initiative to support the "Gelombang Padi" (Padi Wave) agenda, is to boost the development of the country's padi and rice industry and increase its self-sufficiency ratio.


The Smart SBB project in

Kampung Gulau is managed in an area of almost 39ha involving 10 young farmers.

One of the participants, Mohamad Farid Shafie, 38, said the use of high-tech machinery and equipment makes the padi cultivation process easier and faster. It also helps to overcome the problem of labour shortage.

He said besides the use of technology, providing certain incentives to farmers can attract young people to join the padi cultivation sector while ensuring crop sustainability for the future.

"I cultivate padi on an area of 40ha, with over half being Smart SBB. Currently, the padi in Smart SBB has not been harvested yet, but I can see an improvement in the quality of the plants," he said.



**Going hi-tech:** A padi field at Paddy NMR 152 Project Research Side, Sekinchan. — FAIHAN GHANI/The Star

## LPP lancar pasukan CDA-ERT bantu situasi kecemasan, bencana



Aminurrahim (empat dari kiri) bersama pasukan CDA-ERT LPP Wilayah Persekutuan yang baru ditubuhkan.



Aminurrahim meninjau reruai pameran sempena pelancaran pasukan CDA-ERT LPP di Ibu Pejabat LPP Kuala Lumpur pada Isnin.

**KUALA LUMPUR** – Pasukan Bantuan Pertahanan Awam Tindak Balas Kecemasan (CDA-ERT) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan merekrut anggotanya di seluruh negara sebagai persediaan jika berlaku situasi kecemasan dan bencana di kawasan masing-masing.

Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Datuk Aminurrahim Mohamed berkata, pihaknya dengan kerjasama LPP menyasarkan 295 Pertubuhan Peladang Negeri

dan kawasan termasuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan mempunyai platunnya sendiri menjelang akhir tahun ini.

Menurut Aminurrahim, mengikut prosedur operasi standard APM, setiap platun perlu mempunyai 33 anggota untuk membentuk satu pasukan.

“Langkah ini selaras dengan keputusan Jemaah Menteri bahawa APM perlu melatih penjawat awam bagi memastikan bila ada tugas untuk ke-sukarelawan ini mereka sudah

bersiap sedia,” katanya dalam sidang akhbar Majlis Pelancaran Pasukan CDA-ERT LPP di sini pada Isnin.

Turut hadir Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim; Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Amir Matamin dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPP, Nik Mohd Shahril Nik Md Hashim.

Pada majlis itu seramai 12 daripada 50 kakitangan LPP Wilayah Persekutuan menerima watak pelantikan sebagai anggota CDA-ERT LPP.

Aminurrahim berkata, dasar

perubahan CDA-ERT ini merupakan inisiatif penting yang bertujuan untuk memperkukuhkan kemampuan APM dalam menyediakan bantuan dan sokongan dalam situasi kecemasan dan bencana.

“Konsepnya adalah untuk melibatkan sukarelawan yang berlatih dalam anggota LPP menyokong tugas-tugas APM dengan kaedah yang teratur dan tujuan jelas untuk memastikan keselamatan masyarakat.

“Kejayaan ini merupakan bukti kesungguhan kedua-dua pihak dalam memperkukuhkan

keupayaan dan kerjasama. CDA-ERT LPP telah ditubuhkan pada 26 Julai 2022 dengan matlamat yang jelas bagi memberi bantuan dalam situasi darurat, bencana dan memperkukuhkan keupayaan bertindak secara bersepadu,” jelasnya.

Aminurrahim berharap agar anggota CDA-ERT LPP ini akan terus bergiat aktif dalam menyokong usaha-usaha pertahanan awam, serta terus

mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk kebaikan bersama.



**PENDUDUK Kampung Permatang Sungkai, Pasir Puteh memetik buah nanas MD2 untuk dipasarkan secara komersial di seluruh negara.**  
- TOREK SULONG

## Kelantan jadi pemain industri halal

**KOTA BHARU** – Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V menifahkan bahawa Kelantan perlu menjadi pemain utama dalam industri halal di negara ini bersesuaian dengan dasar pentadbirannya.

Baginda beritah, usaha ke arah itu perlu dilaksanakan sebaik mungkin susulan industri halal Malaysia diunjurkan berkembang kepada RM500 bilion pada 2030.

"Maka, wajar Kelantan yang dasar pentadbirannya Membangun Bersama Islam (MBI) mengambil peluang menjadi antara pemain utama dalam in-

kerajaan negeri antaranya menggalakkan usahawan mendapatkan sijil pengesahan halal," titahnya baginda.

Dalam titah itu, Sultan Muhammad V menjelaskan, baginda turut dimaklumkan kerajaan negeri turut sediakan skim mikro kredit sebagai bantuan pembiayaan tanpa faedah kepada usahawan mikro di Kelantan.

Baginda turut menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada daerah Kuala Krai dan Gua Musang yang telah terpilih antara 10 bandar bahagia di Malaysia tahun lalu.

“Maka, wajar

Kelantan yang dasar pentadbirannya

Membangun Bersama

Islam (MBI) mengambil

peluang menjadi antara

pemain utama dalam

industri halal.”

industri halal.

“Beta dimaklumkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh

Sidang DUN Kedah

# Kerajaan Kedah perlu fikir langkah tingkat hasil padi

**Alor Setar:** Nasib pesawah yang menjadi tulang belakang sektor pertanian perlu dinar sektor pertanian perlu diberi perhatian serius supaya golongan itu mendapat pulangan yang lebih baik.

Sultan Kedah, Sultan Al-Amirul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, bertitah dengan hasil pendapatan yang sangat rendah, keringat golongan pesawah ketika ini diperah dengan balasan yang tidak setimpal.

"Kerajaan negeri perlu memikirkan langkah wajar untuk me-

ningkatkan produktiviti padi di Kedah memandangkan pengeluaran beras adalah sektor utama dalam pertanian yang menjadi asas keselamatan makanan negeri dan negara.

"Dalam menyelesaikan isu ini, kerajaan negeri harus bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan untuk menstrukturkan dan pasaran padi supaya memberi pulangan setimpal kepada petani dan bukan hanya menguntungkan pemain hiliran

semata-mata," titah baginda.

Sultan Sallehuddin bertitah demikian sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua di sini, semalam.

Sultan Kedah bertitah, penyelesaian yang ketara dalam perkara itu adalah penggunaan teknologi dalam pertanian tanpa memperluaskan kawasan jelapang padi sedia ada.

Baginda bertitah, teknologi di

segenap peringkat rantaian pengeluaran padi perlu diperkasa bermula daripada pengeluaran benih sehingga proses penuaian.

"Cabaran dihadapi oleh petani dalam menggunakan teknologi seperti tahap kemampuan kewangan dan kekurangan ilmu pengetahuan perlu diselesaikan.

"Kerajaan perlu mengambil langkah bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan perkhidmatan teknologi

pertanian pada harga murah dan berkualiti," titah baginda.

Titah baginda, perancangan penggunaan teknologi dalam pertanian diperlukan di peringkat negeri dalam usaha memodenkan sektor pertanian negeri dengan lebih serius.

Selain padi, titah Sultan Sallehuddin, pengeluaran tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran juga perlu dipelbagaikan supaya sektor makanan menjadi lebih mampan.

# Gubal akta, tubuh Suruhanjaya Keterjaminan Makanan Malaysia



FAUZI SHAFFIE

SU keterjaminan makanan sudah lama menjadi isu penting kepada dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali. Namun, buai masa ini kita tidak pernah menghadapi masalah besar untuk memastihkan rakyat mudah mendapatkan bekalan makanan. Keterjaminan makanan bukan sahaja perlu dijaga demi mewujudkan kemakmuran, tetapi natiqah kekurangan makanan juga menjadi kronik, mencetuskan kemarahan rakyat dan negara mudihi menjadi tidak stabil.

Kepentingan menjamin rakyat mendapat makanan yang cukup boleh dilihat dari segi keselamatan bekalan kerana bilan dan boleh mengancam keselamatan. Negara yang tidak stabil tidak akan mampu mengempur pesibuh, merunding dan rakyat akan lenas dalam pusras ekonomi yang meragukan. Isu ketidakcukupan bekalan beras tempatan dalam pasaran domestik akan memberi kesan kepada rakyat. Oleh itu, wala'au rafi atau kejutan amaran kepada semua khususnya kepemimpinan negara dan mereka yang berkait langsung dalam produksi dan pembekalan makanan negara.

Masalah paling mendasar mengenai makanan adalah ketidakefektifan yang amat rendah dan tidak mengutamakan hingga sehingga besar pesawah tidak bermatir menanam padi, berbanding dengan tanaman lain. Penulis juga meringkasa

Ada dua akta yang berkait dengan elemen keterjaminan makanan telah wujud, iaitu Akta 109 dan Akta 281, namun kedua-duanya hanya berkait langsung.

Persekitaran pertanian bina juga masih boleh ditingkatkan. Khidmatnya kepada sawi, terara tidak ada dalam mana-mana perniagaan berkebangan secara khusus untuk mereka mendapat makanan.

Justeru, mungtlni perlu wujudnya pentapisan ke atas Perkena 5' berkebangan yang untuk bilip tersebut termasuk hak ke atas apa keperluan asas hidup yang lain. Keseluruhan keterjaminan makanan semasa orang pada setiap masa boleh merapatkan kebajikan makanan sesa untuk ketidakefektifan hidup aktif dan buai masa ini, ada dua akta yang berkait dengan elemen keterjaminan makanan telah wujud iaitu Akta 109 dan Akta 281, namun kedua-duanya hanya berkait langsung.

Akta 109 menyenitah hai perniagaan makanan. praktik pertanian terbaik, kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan kualiti dan kualiti makanan, peledakan dan pengkanaan, penciptaan dan pengkanaan, tidak pengkanaan serta. Manakah Akta 281 pula berkait dengan pengawalan kualiti makanan, peledakan dan pengkanaan, tidak pengkanaan serta. Kementerian Pertanian memberi maklumat tentang teras perancangan bilangan 2021-2025. Dalam Strategi Teras ke 5, ada elemen memperkukuh keterjaminan makanan.

Suruhanjaya ini dijangka akan memainkan peranan secara lebih berkesan kepada teras perancangan strategik dalam sistem makanan, memperkasa utovikasi berketan keterjaminan makanan dan memperkukuh keterjaminan makanan. Sumber tidak ada maklumat mengenai mana perancangan bukan stru kejangkapan untuk terus membuat cadangan.

Buai masa ini, Akta 281 dengan Kementerian Kemahiran dan Perdigangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, manakah Akta 109 pula lebih berkait dengan

Kementerian Pertanian dan perniagaan makanan. pengkanaan tanpa ada satu badan khas untuk memantau secara berterusan boleh menyedak salah faham, menyedak jika timbul masalah mengenai ketidapan pengkanaan. Dalam satu wawancara dengan Menteri Pertanian, Dr. Mohd Fauzi Shaffie, Nawi serai beberapa rakan penyarah UTM Kelantan yang lain beberapa minggu lepas, can sepakat untuk kerahan air ditubuhkan sebagai suruhanjaya berkait keterjaminan makanan, sama ada dengan nama Suruhanjaya Makanan Malaysia atau apa nama yang lebih sesuai.

Suruhanjaya ini dijangka akan memainkan peranan secara lebih berkesan kepada teras perancangan strategik dalam sistem makanan, memperkasa utovikasi berketan keterjaminan makanan dan memperkukuh keterjaminan makanan. Sumber tidak ada maklumat mengenai mana perancangan bukan stru kejangkapan untuk terus membuat cadangan.

Buai masa ini, Akta 281 dengan Kementerian Kemahiran dan Perdigangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, manakah Akta 109 pula lebih berkait dengan

Yang amat berkait dengan perniagaan makanan. maknan seperti padi dan kelapa sawi, apakah yang diharap akan mengambil tindakan ke atas pengkanaan dan bekalan? balu dan kembangan tanah? Penulis mengambil contoh ini kerana tanah kita yang satu ketika dahulu disebut sebagai tanah bukid, kini terdigi amat tidak subur berpanca daripada jenis dan kualiti balu dan tanah menjijakan produktiviti dan hasil tanaman negara, sejak beberapa dekad.

Justeru, suruhanjaya tersebut dijangka bebas daripada entiti yang berkecuali dan akan lebih bebas untuk membuat penyusunan dan mengambil tindakan. Malah, pelaksanaan Strategi Teras ke 5 dalam perniagaan makanan, sama ada dengan nama Suruhanjaya Makanan Malaysia atau apa nama yang lebih sesuai.

Suruhanjaya ini dijangka akan memainkan peranan secara lebih berkesan kepada teras perancangan strategik dalam sistem makanan, memperkasa utovikasi berketan keterjaminan makanan dan memperkukuh keterjaminan makanan. Sumber tidak ada maklumat mengenai mana perancangan bukan stru kejangkapan untuk terus membuat cadangan.



DR. MOHD FAUZI SHAFFIE, Menteri Pertanian dan Perikanan, berkata Suruhanjaya Keterjaminan Makanan akan dibentuk untuk memastikan bekalan makanan negara.